

Soalan Lazim

Jaminan Bank Ekspres (Express BG) / Jaminan Bank Ekspres-i (Express BG-i)

NO.	SOALAN & JAWAPAN	
1.	S:	Apakah itu Express BG/BG-i (Jaminan Bank Ekspres/Jaminan Bank Ekspres-i)?
	J:	<p><i>Express BG/BG-i adalah jaminan akujanji oleh Bank untuk membayar sejumlah wang tertentu kepada Penerima sekiranya berlaku kegagalan membuat bayaran oleh Pemohon (pelanggan). Express BG/BG-i membolehkan pengeluaran secara ad-hoc dengan 100% cagaran Deposit Tunai, Deposit Tetap (FD) atau Deposit Bertempoh-i (TD-i) tanpa perlu memohon kemudahan perdagangan.</i></p> <p><i>Express BG-i distrukturkan di bawah konsep Kafalah iaitu merujuk kepada kontrak di mana penjamin bergabung dengan pihak yang dijamin dalam menanggung liabiliti yang ditentukan (seperti dalam Dokumen Polisi BNM mengenai Kafalah).</i></p>
2.	S:	Adakah pelanggan sedia ada layak untuk memohon Express BG/BG-i?
	J:	<p><i>Pelanggan pinjaman/pembiayaan dan bukan pinjaman/bukan pembiayaan yang sedia ada layak untuk memohon dengan syarat Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Mata Wang Asing/ Akaun Mata Wang Asing-i dikekalkan dengan Affin Bank Berhad /Affin Islamic Bank Berhad.</i></p> <p><i>Sama ada anda sudah menikmati penyelesaian pembiayaan kami atau hanya memiliki akaun dengan Affin Bank Berhad /Affin Islamic Bank Berhad — anda dialu-alukan untuk memohon Express BG/BG-i.</i></p> <p><i>📞 Ingin memohon? Hubungi Pengurus Perhubungan anda atau kunjungi cawangan AFFIN yang terdekat untuk memulakan permohonan Express BG/BG-i anda — cepat, mudah dan patuh Syariah.</i></p>
3.	S:	Bolehkah pelanggan yang sedia ada mempunyai kemudahan BG/BG-i memohon Express BG/BG-i?
	J:	<p><i>Ya, pelanggan yang mempunyai kemudahan BG/BG-i boleh memohon secara ad-hoc dengan bercagarkan Deposit Tunai atau Deposit Tetap / Bertempoh-i.</i></p> <p><i>📞 Hubungi Pengurus Perhubungan anda atau kunjungi cawangan terdekat untuk memulakan permohonan Express BG/BG-i anda hari ini!</i></p>

4.	S:	Apakah jenis-jenis Express BG/BG-i yang boleh dikeluarkan?								
	J:	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Bon Tender/Jaminan,</i> ▪ <i>Sekuriti Deposit</i> ▪ <i>Bon Pelaksanaan</i> ▪ <i>Jaminan Bayaran Pendahuluan</i> 								
5.	S:	Apakah jenis matawang yang dibenarkan untuk pengeluaran Express BG/BG-i?								
	J:	<i>Express BG/BG-i boleh dikeluarkan dalam Ringgit Malaysia (MYR) atau Matawang Asing terhad kepada Penerima dalam Malaysia sahaja.</i>								
6.	S:	Apakah jenis cagaran deposit yang diterima di bawah Express BG/BG-i?								
	J:	<p><i>Jenis-jenis cagaran deposit yang diterima adalah seperti berikut:</i></p> <p><i>(a) Deposit Tunai</i></p> <p><i>(b) Deposit Tetap (FD) / Deposit Bertempoh-i (TD-i)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Untuk pemohon individu : Individu pihak ketiga tertakluk kepada lien Bank.</i> ▪ <i>Untuk Syarikat / Lain-lain: individu pihak ketiga tertakluk kepada lien Bank.</i> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 33%;"><i>Matawang BG/ BG-i</i></th> <th style="width: 33%;"><i>Deposit</i></th> <th style="width: 33%;"><i>Ulasan</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #e1eef6;"><i>Ringgit Malaysia (MYR)</i></td> <td><i>i. 100% Margin tunai, or ii. 100% FD/ TD-i</i></td> <td><i>100% Margin Tunai atau 100% FD/TD-i (didebit dari Akaun MYR)</i></td> </tr> <tr> <td style="background-color: #e1eef6;"><i>Matawang Asing</i></td> <td><i>i. 100% Margin tunai, or ii. 100% FD/ TD-i</i></td> <td><i>100% Margin Tunai atau 100% FD/TD-i (didebit dari Akaun Mata Wang Asing)</i></td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;"><i>Table 1</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Jika terdapat pindaan melibatkan kenaikan amaun, deposit tambahan perlu disediakan.</i> ▪ <i>Deposit cagaran yang diambil mestilah dalam matawang yang sama seperti BG/BG-i.</i> 	<i>Matawang BG/ BG-i</i>	<i>Deposit</i>	<i>Ulasan</i>	<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>i. 100% Margin tunai, or ii. 100% FD/ TD-i</i>	<i>100% Margin Tunai atau 100% FD/TD-i (didebit dari Akaun MYR)</i>	<i>Matawang Asing</i>	<i>i. 100% Margin tunai, or ii. 100% FD/ TD-i</i>
<i>Matawang BG/ BG-i</i>	<i>Deposit</i>	<i>Ulasan</i>								
<i>Ringgit Malaysia (MYR)</i>	<i>i. 100% Margin tunai, or ii. 100% FD/ TD-i</i>	<i>100% Margin Tunai atau 100% FD/TD-i (didebit dari Akaun MYR)</i>								
<i>Matawang Asing</i>	<i>i. 100% Margin tunai, or ii. 100% FD/ TD-i</i>	<i>100% Margin Tunai atau 100% FD/TD-i (didebit dari Akaun Mata Wang Asing)</i>								
7.	S:	Berapa lamakah masa yang diambil untuk pengeluaran Express BG/BG-i?								
	J:	<i>Permohonan Express BG/BG-i akan diproses pada hari bekerja yang sama, tertakluk kepada penerimaan sebelum jam 12:00 tengah hari serta dokumen yang lengkap dan teratur.</i>								
8.	S:	Bolehkah Express BG/BG-i dikeluarkan kepada kedua-dua Benefisiari tempatan dan dari luar negara?								
	J:	<i>Tidak, pengeluaran Express BG/BG-i terhad kepada Penerima di Malaysia sahaja.</i>								

9.	S:	Adakah terdapat had maksimum untuk Express BG/BG-i?
	J:	<i>Tiada had maksimum, namun ianya tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Bank.</i>
10.	S:	Apakah tempoh sah maksimum untuk Express BG/BG-i?
	J:	<i>Tidak melebihi satu (1) tahun, tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan Bank.</i>
11.	S:	Sekiranya Express BG/BG-i (BG) tidak dituntut, hilang, dan luput, adakah amaun deposit akan dikembalikan kepada pelanggan?
	J:	<i>Ya, Bank akan memulangkan Wang Tunai atau Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i (FD/TD-i) tersebut mengikut Polisi Bank.</i>
12.	S:	Di manakah pelanggan boleh mendapatkan borang permohonan Express BG/BG-i?
	J:	<i>Borang permohonan boleh didapati di https://www.affinalways.com/bm/corporate-trade-finance.</i>
13.	S:	Bolehkah deposit tunai atau caj di bawah Express BG/BG-i didebitkan dari akaun pihak ketiga selain daripada Pemohon?
	J:	<i>Ya, dengan syarat akaun pihak ketiga adalah pemegang akaun di Affin Bank Berhad /Affin Islamic Bank Berhad.</i>
14.	S:	Merujuk kepada perkara 13 di atas, adakah Bank memerlukan surat kebenaran berasingan untuk membolehkan pembayaran didebitkan daripada pihak ketiga untuk mendebit akaun mereka?
	J:	<i>Tidak, surat kebenaran pihak ketiga yang berasingan tidak diperlukan. Pemegang akaun pihak ketiga hanya perlu bersetuju dan menandatangani permintaan tersebut di borang permohonan.</i>
15.	S:	Adakah terdapat sebarang sekatan format bagi Express BG / BG-i?
	J:	<i>Ya. Format BG mestilah diterima dan diluluskan oleh pihak bank.</i>
16.	S:	Bagaimanakah permohonan Express LC/LC-i boleh diserahkan?
	J:	<i>Permohonan Express BG / BG-i boleh dikemukakan melalui Cawangan AFFIN, Pusat Kewangan Perdagangan, atau secara dalam talian di www.AffinAlways.com.</i>

	S:	Bagaimana saya boleh mengambil salinan asal Express BG/BG-i?
17.	J:	<p><i>Pelanggan mempunyai pilihan untuk:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>1. Mengambil BG / BG-i di cawangan atau Pusat Kewangan Perdagangan, ATAU</i> <i>2. Menghantar kepada benefisiari melalui kurier ATAU</i> <i>3. Menghantar ke alamat sendiri melalui kurier - anda boleh memberikan arahan khas sekiranya perlu.</i> <p><i>Sila nyatakan pilihan anda dengan jelas dalam borang permohonan untuk proses pengambilan yang lancar.</i></p>